

**TERJEMAHAN NAMA TUMBUH-TUMBUHAN PERUBATAN
DALAM KITAB *AL-QANUN FI AL-TIBB* DARI BAHASA ARAB
KE BAHASA MELAYU :
KAEDAH, MASALAH, DAN PENYELESAIAN**

Mohd Hilmi Abdullah, Ab. Halim Mohamad,
Mohammad Sidik Ariffin & Zarima Mohd. Zakaria

ABSTRAK

Dalam kitab *al-Qanun fi al-Tibb*, Ibnu Sina telah menyenaraikan lebih 400 spesis tumbuh-tumbuhan perubatan. Sebahagian besar daripada tumbuh-tumbuhan tersebut tidak terdapat di negara-negara yang beriklim khatulistiwa seperti Malaysia. Oleh itu, nama tumbuh-tumbuhan tersebut pastinya tidak terdapat dalam bahasa Melayu, apatah lagi jika tumbuh-tumbuhan tersebut kurang terkenal. Oleh itu, kertas kerja ini akan mencadangkan beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menterjemah nama tumbuh-tumbuhan perubatan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, khususnya bagi tumbuh-tumbuhan yang masih belum mempunyai padanan dalam bahasa Melayu. Kertas kerja ini juga akan mengemukakan beberapa masalah yang dijangka akan dihadapi oleh penterjemah dan jalan penyelesaian kepada masalah tersebut.

Kata kunci: *al-Qanun fi al-Tib*, Ibn Sina, tumbuhan perubatan, terjemahan.

**TRANSLATION NAME MEDICINAL PLANTS IN THE BOOK
OF *AL-QANUN FI AL-TIBB* FROM ARABIC TO MALAY:
METHOD, PROBLEMS, AND SOLUTIONS**

ABSTRACT

In Kitab al-Qanun fi al-Tibb, Ibn Sina has listed more than 400 species of medicinal plants. Most of these plants are not found in an equatorial climate countries such as Malaysia. Therefore, the plants are certainly not be found in the Malay language, especially if the plants are less well known. Therefore, this paper will propose several methods that can be used to translate the name of medicinal plants from Arabic to Malay, especially for

plants that still do not have a match in the Malay language. This paper will also present a number of problems which are expected to be faced by the translator and a solution to the problem.

Keywords: *al-Qanun fi al-Tib*, Ibn Sina, medicinal plants, translation.

PENDAHULUAN

Perkembangan sains dan teknologi yang berlaku pada hari ini, termasuk dalam bidang teknologi maklumat telah menjadikan sesuatu maklumat tersebar dengan cepat dan pantas ke seluruh dunia. Keadaan ini turut meninggalkan kesan ke atas maklumat yang berkaitan nama tumbuh-tumbuhan. Dalam hal ini, di dapati tumbuh-tumbuhan yang biasa terdapat di negara yang beriklim sejuk bukan lagi asing bagi penduduk yang berada di negara yang beriklim panas seperti Malaysia. Oleh itu, keperluan kepada keseragaman dalam penyerapan nama tumbuh-tumbuhan asing tersebut ke dalam bahasa Melayu semakin dirasakan perlu bagi mengelak kecelaruan dalam penamaan tumbuh-tumbuhan asing di samping memperkayakan lagi kosa kata dalam bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenalpasti kaedah terjemahan Arab-Melayu yang berkaitan dengan penterjemahan nama-nama tumbuhan perubatan dalam bahasa Arab bagi tumbuh-tumbuhan yang belum mempunyai padanan dalam bahasa Melayu.
2. Mencadangkan beberapa kaedah bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul semasa menterjemah nama tumbuh-tumbuhan perubatan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, khususnya bagi tumbuh-tumbuhan yang sudahpun mempunyai padanan dalam bahasa Melayu, tetapi sukar atau pun tidak ditemui dalam mana-mana kamus yang sedia ada di pasaran.
3. Memperkaya kosa kata dalam bahasa Melayu melalui pembentukan/penambahan nama tumbuh-tumbuhan perubatan yang baru.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menterjemah nama tumbuh-tumbuhan perubatan yang terdapat dalam kitab *al-Qanun fi al-Tibb*. Pengkaji telah mengumpul lebih 400 nama tumbuhan yang terdapat dalam kitab tersebut. Proses penterjemahan tersebut dilakukan berdasarkan langkah-langkah yang berikut secara berturutan, iaitu:

1. Mencari padanan bagi nama tumbuhan tersebut dalam kamus-kamus Arab-Melayu yang sedia ada di pasaran seperti dalam senarai di bahagian Rujukan.
2. Jika nama tumbuhan tersebut tiada dalam kamus Arab-Melayu, pengkaji akan beralih pula kepada kamus Arab-Inggeris. Sehingga kini pengkaji tidak mempunyai masalah mencari padanan bagi nama tumbuhan perubatan dalam bahasa Arab dalam kamus Arab-Inggeris.
3. Setelah mendapati nama tumbuhan tersebut terdapat dalam kamus Arab-Inggeris, pengkaji akan merujuk pula kepada kamus Inggeris-Melayu.
4. Jika nama tumbuhan tersebut tiada dalam kamus Inggeris-Melayu, pengkaji akan merujuk pula kepada indeks bahasa Inggeris dan nama saintifik yang terdapat dalam buku-buku yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan perubatan.
5. Jika masih gagal, pengkaji akan beralih pula kepada internet, iaitu dengan menggunakan bantuan enjin carian *Google Search*. Caranya ialah dengan menaip nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Inggeris diikuti frasa *in Malay*. Contohnya, *pudding pipe in Malay*.
6. Jika laman-laman web dan blog yang disenaraikan oleh *Google* tidak menyebut padanan bagi nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Melayu, termasuk dalam bahasa Indonesia sekali pun, maka barulah pengkaji akan membuat kesimpulan bahawa nama tumbuhan tersebut sememangnya tiada atau masih belum ada dalam bahasa Melayu.
7. Akhir sekali, barulah pengkaji memikirkan apakah kaedah terjemah yang sebaiknya bagi nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Melayu berdasarkan kaedah-kaedah yang akan disenaraikan selepas ini.

KAEDAH TERJEMAHAN ARAB-MELAYU DALAM PEN-TERJEMAHAN NAMA TUMBUH-TUMBUHAN PERUBATAN

Sebanyak lebih 400 tumbuh-tumbuhan perubatan yang terdapat dalam kitab *al-Qanun fi al-Tibb*. Dalam menterjemah nama tumbuhan tersebut, pengkaji mendapati secara umumnya terdapat tujuh kaedah yang boleh diguna pakai bagi menterjemah nama tumbuh-tumbuhan perubatan yang belum mempunyai padanan dalam bahasa Melayu. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti yang berikut:

Kaedah Pertama : Peminjaman Langsung Daripada Bahasa Arab

Kaedah ini sesuai digunakan bagi nama tumbuhan yang mudah dieja dalam bahasa Melayu, senang disebut, dan mesra penutur bahasa Melayu. Antara nama tumbuhan yang terlibat ialah seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

JADUAL 1: Nama tumbuhan perubatan yang diterjemahkan mengikut kaedah peminjaman langsung dari-pada bahasa Arab.

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Saintifik
1.	سندروس	Sandarus	Arar	<i>Callitris</i>
2.	سيساليوس	Sisalius	Hartwort	<i>Tordylium</i>
3.	نسرین	Nisrin	Dog rose	<i>Rosa canina</i>
4.	ترید	Turbud	Turbeth	<i>Ipomoea turpethum</i>
5.	دردار	Dardar	Elm	<i>Ulmus campestris</i>

Kaedah Kedua : Terjemahan Langsung Daripada Bahasa Arab

Kaedah ini sesuai digunakan bagi nama tumbuhan dalam bahasa Arab yang mempunyai makna yang mudah difahami dalam bahasa Melayu dan tidak bertindih dengan nama tumbuhan lain yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Antara nama tumbuhan yang terlibat ialah seperti dalam Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Nama tumbuhan perubatan yang diterjemahkan mengikut kaedah terjemahan langsung dari-pada bahasa Arab.

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Saintifik
1.	زنجبيل الكلاب	Halia anjing	Lady's thumb	<i>Polygonum persicaria</i>
2.	رجل الجراد	Kaki belalang	Wild orache	<i>Atriplex hastata</i>
3.	خصي الثعلب	Testis musang	Satyrion	<i>Satyrion basilicum</i>
4.	حشيشة الزجاج	Herba kaca	Lich-wort	<i>Parietaria cretica</i>
5.	لسان الثور	Lidah lembu	Borage	<i>Borago officinalis</i>

Kaedah Ketiga : Terjemahan Langsung Daripada Bahasa Inggeris

Kaedah ini sesuai digunakan bagi nama tumbuhan dalam bahasa Arab yang mempunyai padanan dalam bahasa Inggeris dengan makna yang mudah difahami dalam bahasa Melayu dan tidak bertindih dengan nama tumbuhan lain yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Antara nama tumbuhan yang terlibat ialah seperti dalam Jadual 3 yang berikut:

JADUAL 3: Nama tumbuhan perubatan yang diterjemahkan mengikut kaedah terjemahan langsung dari-pada bahasa Inggeris.

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Saintifik
1.	قثاء	Mentimun ular	Snake cucumber	<i>Cucumis melo var. Flexuosus</i>
2.	كماقيطوس	Pain tanah	Ground pine	<i>Ajuga chamaepitys</i>
3.	ليموسون	Limau nipis hitam	Black lime	<i>Citrus aurantifolia nigrum</i>
4.	فلنجمشك	Selasih bulu	Soft haired basil	<i>Ocimum pilosum</i>
5.	فلّ	Melur Arab	Arabian jasmine	<i>Magorium sambac</i>

Kaedah Keempat : Terjemahan Campuran Dwi Bahasa

Kaedah ini sesuai digunakan bagi nama tumbuhan dalam bahasa Arab yang tidak sesuai untuk diterjemahkan berdasarkan ketiga-tiga kaedah sebelum ini, tetapi dilihat sesuai jika diterjemahkan berdasarkan campuran antara dua bahasa yang berlainan. Antara nama tumbuhan yang terlibat ialah seperti dalam Jadual 4 yang berikut:

JADUAL 4: Nama tumbuhan perubatan yang diterjemahkan mengikut kaedah terjemahan campuran dwi bahasa.

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Sainifik	Keterangan
1.	قثاء الحمار	Peria pancut	Squirting cucumber	<i>Momordica elaterium</i>	Perkataan 'peria' diambil daripada perkataan <i>momordica</i> dalam bahasa Greek, manakala perkataan 'pancut' ialah terjemahan kepada perkataan <i>squirting</i> dalam bahasa Inggeris.
2.	لعبه بربرية	Suranja n musim luruh	Autumn crocus	<i>Colchicum autummale</i>	Perkataan 'suranja' ialah peminjaman langsung daripada bahasa Arab yang di-fahami melalui perkataan <i>colchicum</i> dalam bahasa Greek, manakala frasa 'musim luruh' ialah terjemahan kepada perkataan <i>autumn</i> dalam bahasa Inggeris.

3.	قرفة الطيب	Kayu manis culilaban	Culilaban	<i>Cinnamomum culilawan</i>	Frasa <i>kayu manis</i> ialah terjemahan kepada perkataan <i>cinnamomum</i> dalam bahasa Greek, manakala perkataan <i>culilaban</i> ialah peminjaman langsung daripada bahasa Inggeris.
4.	كبابة	Lada cubeb	Cubeb	<i>Piper cubeba</i>	Perkataan 'lada' ialah terjemahan kepada perkataan <i>piper</i> dalam bahasa Greek, manakala perkataan 'cubeb' ialah peminjaman langsung daripada bahasa Inggeris.
5.	فيلزهرج	Hudad India	Indian boxthorn	<i>Berberis lycium</i>	Perkataan 'hudad' ialah peminjaman langsung daripada bahasa Arab yang difahami melalui perkataan <i>lycium</i> dalam bahasa 'Greek, manakala perkataan India' ialah terjemahan kepada perkataan <i>Indian</i> dalam bahasa Inggeris.

Kaedah Kelima: Peminjaman Langsung Daripada Bahasa Inggeris Tanpa Penyesuaian Ejaan

Kaedah ini sesuai digunakan bagi nama tumbuhan dalam bahasa Arab yang tidak sesuai untuk diterjemahkan berdasarkan keempat-empat kaedah sebelum ini. Pada masa yang sama, sebutan dan ejaan nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Inggeris sama ada serasi dengan sebutan dan ejaan dalam bahasa Melayu atau pun ejaan tersebut dilihat

tidak perlu untuk dimurnikan bagi disesuaikan dengan sebutan dan ejaan dalam bahasa Melayu. Antara nama tumbuhan yang terlibat ialah seperti dalam Jadual 5 yang berikut:

JADUAL 5: Nama tumbuhan perubatan yang diterjemahkan mengikut kaedah peminjaman langsung dari-pada bahasa Inggeris tanpa penyesuaian ejaan.

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Saintifik
1.	شكاعى	Fagonia	Fagonia	<i>Fagonia glutinosa</i>
2.	أبو حلسا	Alkanet	Alkanet	<i>Lithospermum tinctorium</i>
3.	بهمن	Behen	Behen	<i>Centaurea behen</i>
4.	قطف	Orache	Orache	<i>Atriplex hortensis</i>
5.	كاشم	Lovage	Lovage	<i>Levisticum officinale</i>

Kaedah Keenam : Peminjaman Langsung Daripada Bahasa Inggeris Dengan Penyesuaian Ejaan

Kaedah ini sesuai digunakan bagi nama tumbuhan dalam bahasa Arab yang tidak sesuai untuk diterjemahkan berdasarkan kaedah yang pertama hingga keempat sebelum ini. Namun, ejaan nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Inggeris dilihat sesuai untuk dimurnikan bagi disesuaikan dengan sebutan dan ejaan dalam bahasa Melayu. Antara nama tumbuhan yang terlibat ialah seperti dalam Jadual 6 yang berikut:

JADUAL 6: Nama tumbuhan perubatan yang diterjemahkan mengikut kaedah peminjaman langsung daripada bahasa Inggeris dengan penyesuaian dalam ejaan.

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Saintifik
1.	سقمونيا	Scammoni	Scammony	<i>Convolvulus scammonia</i>
2.	سماق	Sumak	Sumac	<i>Rhus</i>
3.	مصطكى	Mastik	Mastic	<i>Pistacia lentiscus</i>
4.	نيطافيلي	Potentilla	Potentilla	<i>Potentilla</i>

5.	ترمس	Lupain	Lupine	<i>Lupinus termis</i>
----	------	--------	--------	-----------------------

Kaedah Ketujuh : Peminjaman Langsung Daripada Bahasa Greek (Nama Saintifik)

Kaedah ini sesuai digunakan bagi nama tumbuhan dalam bahasa Arab yang mempunyai nama saintifik yang lebih serasi dengan sebutan dan ejaan dalam bahasa Melayu berbanding nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Antara nama tumbuhan yang terlibat ialah seperti dalam Jadual 7 yang berikut:

JADUAL 7: Nama tumbuhan perubatan yang diterjemahkan mengikut kaedah peminjaman langsung dari-pada bahasa Greek (nama saintifik).

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Saintifik
1.	لسان الحمل	Plantago	Plantain	<i>Plantago</i>
2.	ليلاب	Hedera	Ivy	<i>Hedera</i>
3.	راسن	Inula	Elecampane	<i>Inula</i>


MASALAH DAN PENYELESAIAN DALAM PENTERJEMAHAN NAMA TUMBUH-TUMBUHAN PERUBATAN

Masalah utama yang dihadapi dalam penterjemahan nama tumbuh-tumbuhan perubatan ke dalam bahasa Melayu ialah ketiadaan kamus atau ensiklopedia Arab-Melayu dan juga Inggeris-Melayu yang lengkap berkaitan perkara tersebut. Hal ini menyebabkan pengkaji terpaksa merujuk kepada kamus Arab-Inggeris bagi tujuan tersebut. Setelah mendapati padanan bagi sesuatu nama tumbuhan dalam bahasa Inggeris dan juga nama saintifik bagi tumbuhan tersebut, pengkaji telah menggunakan dua cara bagi mendapatkan padanan bagi nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Melayu pula, iaitu:

1. Merujuk kepada indeks bahasa Inggeris dan nama saintifik dalam buku-buku yang berkaitan dengan tumbuhan-tumbuhan perubatan.
2. Menggunakan aplikasi *Google Search*.

Oleh sebab tidak banyak buku tentang tumbuhan yang ada di pasaran

yang mempunyai senarai indeks, pengkaji terpaksa pula menggunakan kaedah yang kedua, iaitu aplikasi *Google Search*. Caranya ialah dengan menaip nama tumbuhan tersebut dalam bahasa Inggeris atau nama saintifik diikuti frasa *in malay*. Contohnya, *horseradish in malay* seperti dalam Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1

Cara mendapatkan padanan bagi nama tumbuhan dalam bahasa

Selepas menekan butang *Enter*, *Google Search* akan memaparkan senarai laman web dan blog yang boleh dijadikan rujukan bagi tujuan padanan dalam bahasa Melayu tersebut. Contohnya seperti dalam Rajah 2 yang berikut:

Fish and chips, minus the fryer | Eat/Drink | The Malay Mail ...
www.themalaymailonline.com/.../fish-and-chip... ▼ Terjemahkan halaman ini
23 Mac 2016 - My husband and I prefer tartar sauce spiked with horseradish. But no matter how we dip, it's a family meal we can all get behind. Baked fish and ...

Kate Malay Hopewell on Twitter: "Picnic for dinner. Roast ...
<https://twitter.com/katemalay/.../507779295440...> ▼ Terjemahkan halaman ini
4 Sep 2014 - Kate Malay Hopewell · @katemalay. LA based Roast beef w horseradish cheddar and beer mustard, and Serrano ham w hard sheep's...

^[PDF] horseradish tree - Plant Lives
www.plantlives.com/docs/.../Moringa_oleifera... ▼ Terjemahkan halaman ini
HORSERADISH TREE is a deciduous succulent tree. Native to ... Kalúngai (Filipino/Tagalog), Kalar (Indonesian, Malay), Kamunggay (Visayan), Kelor.

Rajah 2

Antara senarai laman web yang berkaitan yang dipaparkan oleh enjin carian Google Search

Jadul 8 yang berikut ialah antara nama tumbuhan perubatan dalam bahasa Melayu yang tidak terdapat atau sukar didapati dalam kamus Arab-Melayu mahupun Inggeris-Melayu, namun boleh didapati melalui kaedah indeks buku dan kaedah *Google Search*.

JADUAL 8: Nama tumbuhan perubatan yang tidak atau sukar ditemui dalam kamus Arab-Melayu dan Inggeris-Melayu.

Bil.	Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Nama Sainifik
1.	أملج	Pokok melaka	Emblic myrobalan	<i>Phyllanthus emblica</i>
2.	بان	Kelor, gemunggal	Horseradish, ben	<i>Moringa oleifera</i>
3.	هليلج	Manja lawai	Chebulic myrobalan	<i>Terminalia chebula</i>
4.	وجّ	Jerangau	Sweet flag	<i>Acorus calamus</i>

5.	خيار شنبر	Kayu raja, tengguli	Pudding pipe	<i>Cassia fistula</i>
6.	جدوار	Temu lawak, temu putih	Zedoar	<i>Curcuma zedoaria</i>
7.	راوند	Kelembak	Rhubarb	<i>Rheum</i>
8.	عفص	Majakani, manjakani	Gall oak	<i>Quercus lusitanica</i>
9.	عنب الثعلب	Terung meranti, Terung ranti	Fox grape	<i>Solanum nigrum</i>
10.	عشر	Rembega	Milkweeds	<i>Calotropis</i>
11.	نيل	Tarum	True indigo	<i>Indigofera tinctoria</i>
12.	برنجاسف	Baru Cina	Mugwort	<i>Artemisia vulgaris</i>
13.	سعد	Rumput halia hitam	Nut grass	<i>Cyperus rotundus</i>
14.	أنجدان	Inggu	Ferula	<i>Ferula assafoetida</i>
15.	أزاندراخت	Mambu	Margosa	<i>Melia azadirachta</i>
16.	جوز مائل	Kecubung	Metel	<i>Datura metel</i>
17.	سقولو قندريون	Daun semun, paku langsuir	Bird's nest fern	<i>Asplenium scolopendrium</i>
18.	سيسبان	Jayanti	Sesban	<i>Sesbania sesban</i>
19.	كشوث	Tali putri	Dodder	<i>Cuscuta</i>
20.	كاكنج	Buah tanglung	Bladder cherry	<i>Physalis alkekengi</i>
21.	أترج	Limau susu	Citron	<i>Citrus medica</i>

Selain masalah ketiadaan kamus Arab-Melayu dan Inggeris-Melayu yang lengkap berkaitan tumbuh-tumbuhan, pengkaji juga menghadapi masalah apabila mendapati terdapat beberapa kesilapan dalam kamus Arab-Melayu dan Inggeris-Melayu yang ada di pasaran sekarang ini dalam memberi padanan dalam bahasa Melayu terhadap beberapa nama tumbuhan dalam bahasa Arab dan juga bahasa Inggeris. Jadual 9 yang berikut menunjukkan kamus-kamus yang terlibat dan kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan.

JADUAL 9: Kesilapan padanan bagi nama tumbuhan perubatan

dalam kamus Arab-Melayu dan Inggeris Melayu.

Bil.	Kamus	Perkataan	Kesilapan	Pembetulan
1.	Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu- Inggeris	نبق	Sejenis teratai	Bidara kristi
		كراث	Daun bawang kucai ¹	Bawang perai
		جرجير	Selada air, watercress	Salad roket, arugula
		فجل	Lobak	Lobak radish ²
		سلجم	Sejenis lobak putih	Lobak turnip ³
		سعد	Pokok lengkuas, galingale	Rumput halia hitam, nut grass
		خيار شنبر	Kayu manis	Kayu raja, tengguli
		حنظل	Sejenis tanaman labu	Tembikai liar
2.	Kamus Besar Arab-Melayu Dewan	الكمون	Jintan manis	Jintan putih
		الشعير	Gandum	Barli
		السفرجل	Buah jambu	Kuins
		حبة البركة	Sejenis rumput	Habbatus sawdak, jintan hitam
		الفجل	Lobak, lobak putih	Lobak radish
3.	Kamus Inggeris- Melayu Dewan	الحرف	Lada hitam atau biji sawi	Selada
		Horse- radish	Sejenis lobak	Kelor, gemunggal
		Turnip	Turnip, lobak putih	Lobak turnip
		Radish	Lobak	Lobak radish

¹ Bawang kucai merujuk kepada bawang perai Cina. Oleh itu, padanan “leek” dalam bahasa Inggeris dan “karrath” dalam bahasa Arab kepada “bawang kucai” adalah kurang tepat.

² Lobak radish terbahagi kepada dua jenis, iaitu radish merah (berbentuk bulat) dan radish putih (berbentuk memanjang). Dalam konteks di Malaysia, lobak putih merujuk kepada radish putih.

³ Lobak turnip terbahagi kepada tiga jenis, iaitu turnip merah, turnip putih, dan turnip hitam.

Leek	Daun bawang kucai	Bawang perai
------	----------------------	--------------

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kajian perpustakaan yang dilakukan, didapati bahawa kamus atau ensiklopedia yang lengkap berkaitan tumbuh-tumbuhan perubatan daripada bahasa Arab atau Inggeris ke dalam bahasa Melayu masih belum diterbitkan.

Kaedah penterjemahan nama-nama tumbuhan daripada bahasa asing ke dalam bahasa Melayu perlu diseragamkan bagi mengelak kecelaruan dalam penamaan tumbuh-tumbuhan yang masih belum terdapat dalam bahasa Melayu. Penyeragaman semula nama-nama tumbuhan dalam bahasa Melayu perlu dilakukan bagi mengelak kesilapan dalam terjemahan dan kekeliruan kepada para pengguna dan pengkaji tumbuh-tumbuhan.

Usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan perlu dilakukan oleh pihak-pihak yang berwajib untuk memasukkan sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan tumbuh-tumbuhan perubatan dalam Internet, khususnya dalam laman-laman web yang berbentuk rujukan seperti *wikipedia.com*. Usaha seperti ini patut diberi galakan yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berwajib.

RUJUKAN

- AdwarGhalib. (1988). *Al-Mawsu'ah Fi 'Ulum al-Tabi'iyah*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992). *Kamus Inggeris – Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2006). *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Dimyatiy, Mahmud Mustafa. (1966). *Mu'jamAsma' al-Nabatat*. Kaherah: Al-Dar al-Misriyyah.
- IbnSina, Abu 'Ali al-Husaynbin 'Ali. (1994). *Al-Qanun Fi al-Tibb*. Ed.Sa'id al-Lahham. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Mohd. Khairi Zainuddin, Mohd. Nazri Zainuddin & Mohd. Fuad Mohd. Isa. (2007). *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*. Kuala Lumpur: Al-Azhar Media.
- John D. Gimlette. (1971). *A Dictionary of Malayan Medicine*. New York: Oxford University Press.

Mohd Hilmi Abdullah, Ph.D.
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
E-mail: mohdhilmi@fbk.upsi.edu.my

Ab. Halim Mohamad, Ph.D.
Prof. Madya
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail: abhalim@upm.edu.my

Mohammad Sidik Ariffin
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
E-mail: sidik@fbk.upsi.edu.my

Zarima Mohd. Zakaria
Pensyarah
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
E-mail: zarima@fbk.upsi.edu.my